

# PM arah ubah 'wajah' penempatan peniaga kecil

**Kerajaan negeri, PBT digesa wujudkan pelan infrastruktur lebih selesa, bersih**

Oieh Suzalina Halid  
suzalina@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan supaya usaha dilakukan pada semua peringkat dalam mengubah 'wajah' penempatan gerai peniaga kecil dan penjaja di seluruh negara kepada infrastruktur yang lebih selesa, indah dan bersih dalam tempoh sekurang-kurangnya satu hingga dua tahun ini.

Perdana Menteri berkata, beliau mahu melihat semua pihak termasuk kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT) di seluruh negara mewujudkan pelan untuk mengangkat martabat dan memberi penghormatan serta ihsan kepada golongan berpendapatan kecil, khususnya peniaga.

"Kita tukar wajah KL (Kuala Lumpur) dalam satu atau dua tahun ini, bila tengok gerai, ia cantik dan bersih.

"Ini harus berlaku di semua kota di negara kita, tidak mahu hanya di KL, di PJ (Petaling Jaya), Klang, Shah Alam, Pulau Pinang, Ipoh, Kuantan, Kota Bharu dan Alor Setar.

"Kita mesti ada dasar jelas, yang membezakan kita adalah kita lebih tunjukkan prihatin pada kelompok peringkat bawah. Kita tidak mahu ini dianggap saranan politik, tapi mahu tindakan," katanya merasmikan D'Anjung Selera Madani, Jalan Jujur, di sini, semalam.

Pada majlis itu, Anwar yang juga Pengerusi Pakatan Harapan (PH) turut mengumumkan penu-



Anwar bersama isteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail beramah mesra dengan peniaga sate, Nor Azmeer Azwar pada majlis perasmian D'Anjung Selera Madani, Bandar Tun Razak, semalam. (Foto Mohamad shahril Badri Saali/BH)

runan harga sewa 24 gerai D'Anjung Selera Madani kepada RM200 sebulan, berbanding RM400 sebelum ini.

Projek naik taraf itu dimulakan pada Mei 2018 dan siap pada Oktober lalu dengan kos pembinaan RM7.2 juta.

Pada masa sama, Perdana Menteri berkata, beliau mahu pembangunan di ibu negara yang gah dengan mercu tanda mega turut diseragamkan dengan kemudahan bagi rakyat terbanyak.

Beliau berkata, tidak semua rakyat mampu pergi restoran besar atau hotel mewah dan ia menjadi tanggungjawab kerajaan untuk memberi kemudahan itu.

"Puluhan bilion ringgit dibelanjakan bagi projek besar, tetapi perlu ada juga perbelanjaan untuk menjamin tempat perniagaan peniaga kecil.

Beliau berkata, sehingga kini beliau berpuas hati dengan program pembangunan membatik keperluan rakyat melalui pelan pembangunan Kuala Lumpur, namun ia perlu lebih

cepat dilaksanakan.

Dalam pada itu, Anwar juga menegur masih banyak tandas sekolah di seluruh negara dalam keadaan rosak sejak puluhan tahun lalu tanpa tindakan diambil.

Katanya, dapatan itu diperoleh selepas beliau mengarahkan Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek, supaya memeriksa keadaan tandas di sekolah di seluruh negara bagi memastikan murid mendapat kemudahan yang selesa.

Justeru, katanya, murid sekolah perlu turut memainkan peranan dengan dilatih membersihkan tandas.

"Saya arahkan Menteri Pendidikan semak dan dapati tandas di sekolah banyak yang rosak, berpuluh-puluh tahun tidak ada siapa yang peduli. Sekarang saya kata bagaimana hantar anak kita ke sekolah, tapi tandas pun tidak ada (kerana rosak).

"Anak (di sekolah) perlu dilatih

untuk membersihkan tandas, ia mengajar mengenai kebersihan, hormat orang termasuk yang mencuci tandas. Muliakan nilai manusia yang bagi sumbangan (peranan)," katanya.

Ketika menjadi Menteri Pendidikan antara 1986 hingga 1991, katanya, beliau mengarahkan sekolah melakukan penggiliran bagi membersihkan tandas.

Beliau berkata, ketika itu ada ibu bapa golongan profesional dan atasan menghubunginya membantah.

"Ada ibu bapa kelas atasan hantar telegram kepada saya berkata, saya hantar anak saya belajar bukan untuk cuci tandas.

"Jadi, saya beritahu kalau anak kita dilatih untuk cuci tandas dia tahu bagaimana ibu dia buat kerja di rumah. Dia akan hargai tukang cuci di jalanan di tandas awam bahawa ada nilai kerja.

"Ia melatih perubahan sikap, kadang-kadang orang kelas atasan ini tidak ada langsung untuk rasa prihatin dan ihsan kepada golongan bawah," katanya.